

**LANG RINTIK**  
Grey-faced Buzzard

FAMILI: Accipitridae  
NAMA SAINTIFIK: *Butastus indicus*

**CIRI-CIRI**

Secara relatif, badannya agak tirus dengan kepala yang bersaiz besar. Bahagian atas kepala, atas badan dan dada berwarna coklat kekelabuan dengan bahagian tepi kepala berwarna kelabu, mata berwarna kuning dan tekak berwarna putih. Terdapat jalur gelap yang bermula pada tepi paruh hingga tepi leher dan tekak dengan jalur putih dan coklat kekelabuan pada perut dan tiga jalur gelap melintang pada ekor. Individu betina mempunyai supersilium, bulu pahat pada bahagian telinga yang berwarna coklat pada pinggir dan jalur-jalur melintang berwarna putih pada dada. Selain daripada itu, terdapat juga individu dewasa morfisme gelap yang mempunyai kepala, badan dan bulu pahat pada sayap yang berwarna coklat gelap. Individu juvenil mempunyai bahagian atas kepala dan leher berwarna coklat, jalur putih yang halus, jalur supersilium putih yang lebar, bahagian tepi kepala coklat kekelabuan, bahagian atas badan dan bulu pahat pada sayap yang lebih coklat dengan bahagian hujung yang pudar. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 41-49 sm.

**MAKANAN**

Kebanyakannya adalah pemangsa dan ada juga yang memakan bangkai. Dietnya terdiri daripada mamalia, burung, reptilia, amfibia, ikan, ketam, moluska dan serangga.

**HABITAT**

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di hutan daun luruh yang terbuka, hutan daun lebar dan bercampur, hutan sekunder dan kawasan terbuka sehingga ke ketinggian 1,800 m dari aras laut.

**BUNYI**

Spesies ini mengeluarkan bunyi *tik HWEER* atau *tik H'WEER* yang bernada tinggi.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.